

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAI ]**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membantu merealisasikan cadangan penanaman buah anggur dan strawberi di puncak Gunung Jerai sebagai satu langkah untuk memajukan ekonomi setempat.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Anggur dan strawberi merupakan buah *temperate* yang sesuai ditanam di kawasan tanah tinggi bersuhu antara 15 °C – 26 °C. Bagi menyokong pertumbuhan industri penanaman anggur dan strawberi, MARDI telah mengeluarkan Manual Teknologi Penanaman Strawberi secara fertigasi di bawah struktur pelindung hujan manakala Jabatan Pertanian (DOA) telah menerbitkan risalah Panduan Menanam Anggur. Di samping itu, MARDI turut mengambil inisiatif mempamerkan teknologi tanaman strawberi dan anggur di Taman Agroteknologi Cameron Highlands dan Langkawi.
2. Cadangan penanaman buah anggur dan strawberi di puncak Gunung Jerai adalah satu cadangan yang baik memandangkan puncak tersebut mempunyai julat suhu yang bersesuaian untuk tanaman

tersebut. Walaubagaimanapun, faktor muka bumi Gunung Jerai yang curam serta kekurangan kawasan rata menghadkan aktiviti pertanian di kawasan tersebut. Selain itu, Gunung Jerai merupakan kawasan hutan simpan kekal yang telah diwartakan sebagai Jerai Geopark di mana hutan semulajadi perlu dikekalkan.

3. Jabatan Pertanian telah menerbitkan buku Panduan Pembangunan Pertanian di Tanah Bercerun sebagai rujukan untuk penanaman di kawasan tanah tinggi. Namun begitu, kos pembangunan projek penanaman anggur dan strawberi tersebut adalah sangat tinggi dan tidak ekonomik untuk dilaksanakan dalam skala besar dan komersil di puncak Gunung Jerai.

4. Sehubungan dengan itu, Kementerian berpandangan aktiviti penanaman buah anggur dan strawberi di puncak Gunung Jerai boleh diusahakan sebagai tarikan pengunjung ke puncak Gunung Jerai melalui program agropelancongan yang boleh menjana pendapatan tinggi dan bukan sebagai perladangan komersil. Kementerian melalui Jabatan Pertanian dan MARDI bersedia untuk memberi khidmat nasihat teknikal kepada pengusaha yang berminat untuk menanam anggur dan strawberi di Gunung Jerai dan seterusnya memajukan ekonomi setempat.

Sekian, terima kasih.